

# Program English Grammar

Oleh: Norazlynne Mohd Johan



Program *English Grammar* yang disampaikan oleh Madam Barbara Nichols daripada Malaysian - American

Commission on Educational Exchange (MACEE) telah diadakan pada 13 Disember 2013 (Jumaat) bertempat di Auditorium Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Program ini telah dihadiri oleh seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada pelajar, kakitangan dan pensyarah UMS.

Program anjuran bersama Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Sabah dan Perpustakaan UMS ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan ilmu pengetahuan mengenai penggunaan *English Grammar* di kalangan pelajar khasnya dan kakitangan amnya. Antara

objektif program ini adalah ;

- i. M e n g e m b a n g k a n pengetahuan, kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris
- ii. Memberi pendedahan tatacara penggunaan tatabahasa / *English Grammar* bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran di Universiti
- iii. Mendedahkan kepada peserta penggunaan *English Grammar* sebenar diperingkat antarabangsa.